



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 13 Tahun 2020

PENGUKUHAN PELAKSANAAN PEMBERIAN ELAUN DALAM PERKHIDMATAN AWAM

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada staf Universiti Teknologi MARA (UiTM) mengenai penerimaan pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2019 berkaitan Pengukuhan Pelaksanaan Pemberian Elaun Dalam Perkhidmatan Awam.

LATARBELAKANG

2. Melalui pelaksanaan pemberian elaun dalam perkhidmatan awam masih menggunakan dasar yang telah ditetapkan di bawah Sistem Saraan Baru (SSB) 1992 dan Sistem Saraan Malaysia (SSM) 2002. Tujuan pemberian ini diperkenalkan adalah untuk meningkatkan prestasi pegawai perkhidmatan awam serta menarik dan mengekalkan mereka melalui sistem saraan yang fleksibel.

2.1 Semakan dan pengukuhan pelaksanaan pemberian elaun dilaksanakan agar iaanya kekal relevan dan memenuhi keperluan serta kehendak perkhidmatan melalui:

- i. penambahbaikan penjelasan prinsip pemberian elaun;
- ii. penetapan kriteria dan jenis pemberian elaun;
- iii.. pemansuhan elaun;
- iv. pindaan nama elaun selaras dengan kriteria dan jenis elaun;
- v. penggabungan elaun berdasarkan kriteria yang sama; dan
- vi. penyeragaman syarat umum kelayakan pembayaran elaun.

2.2 Kenyataan Media oleh Jabatan Perkhidmatan Awam bertarikh 9 Januari 2020 memaklumkan bahawa pelaksanaan pemansuhan Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK) yang dijadualkan bermula 1 Januari 2020 ditangguhkan sehingga satu kajian semula dilaksanakan dengan pihak yang berkaitan dan diputuskan oleh Jemaah Menteri. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan pemansuhan BIPK kepada pegawai lantikan baharu melibatkan 33 skim perkhidmatan seperti dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2019 adalah ditangguhkan.

- i. Mesyuarat Majlis Sumber Manusia Ke-42 bertarikh 16 Januari 2020 bersetuju untuk menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2019 berkenaan berkaitan Pengukuhan Pelaksanaan Pemberian Elaun Dalam Perkhidmatan Awam dengan tarikh kuatkuasa pada 1 Januari 2020.
- ii. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Ke-173 bertarikh 7 Februari 2020 meluluskan untuk menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2019 berkenaan berkaitan Pengukuhan Pelaksanaan Pemberian Elaun Dalam Perkhidmatan Awam berkuatkuasa mulai 1 Januari 2020.

PELAKSANAAN

3. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2019 memaklumkan mengenai pengukuhan pelaksanaan pemberian elaun dalam perkhidmatan awam selaras dengan hala tuju semasa perkhidmatan awam dan keperluan persekitaran yang dinamik. Prinsip-prinsip pemberian elaun yang ditetapkan dalam SSB dan SSM adalah dikekalkan kerana didapati masih relevan dengan penambahbaikan penjelasan seperti berikut :

- i. **prinsip tidak sejagat (non-universal)** membolehkan elaun diberikan secara khusus kepada kumpulan atau perkhidmatan tertentu seperti elaun yang dibayar kepada Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian yang diwartakan sebagai Pakar;

- ii. **prinsip tidak biasa** (*non-regular*) menetapkan elaun hanya diberi dalam keadaan-keadaan tertentu sahaja, berdasarkan tugas yang dilaksanakan di luar kebiasaan. Sebagai contoh Bayaran Insentif Tugas Memanjat Pokok yang dibayar kepada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia yang diarahkan melakukan tugas memanjat pokok;
- iii. **prinsip tidak kekal** (*non-permanent*) menentukan bahawa elaun diberi secara sementara. Elaun boleh ditarik balik, diberhentikan bayarannya atau dimansuhkan sekiranya sesuatu elaun itu tidak lagi relevan atau tidak lagi menepati kriteria tertentu pemberian elaun tersebut. Contoh: Insentif Profisiensi Bahasa Inggeris yang dibayar kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan bagi tempoh tertentu;
- iv. **prinsip kesaksamaan** (*fairness*) membolehkan pemberian elaun dipanjangkan kepada perkhidmatan, kumpulan atau gred-gred tertentu yang layak dan memenuhi kriteria sesuatu elaun. Sebagai contoh, Bayaran Insentif Penguatkuasa yang dibayar kepada Pegawai Penguatkuasa di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah dipanjangkan kepada Pegawai Perkhidmatan Awam tertentu yang menjalankan aktiviti penguatkuasaan.

PENETAPAN KRITERIA DAN JENIS PEMBELIAN ELAUN

4. Kriteria-kriteria elaun dalam perkhidmatan awam adalah seperti mana yang telah ditetapkan dalam SSB dan SSM seperti berikut :

- i. kos sara hidup;
- ii. tanggungjawab tambahan;
- iii. bayaran balik perbelanjaan;
- iv. risiko kerja;
- v. kesusahan;
- vi. kepakaran
- vii. kemahiran atau kompetensi tambahan;
- viii. keanehan atau kejelikan (*obnoxious*) tugas;
- ix. kepentingan pengekalan sesuatu perkhidmatan; dan
- x. galakan.

5. Bagi mempermudahkan pelaksanaan pemberian elaun, jenis elaun dan perkhidmatan awam ditetapkan seperti berikut :

- i. imbuhan tetap atau bayaran imbuhan yang diberi berasaskan kriteria kos sara hidup seperti Imbuhan Tetap Perumahan atau Bayaran Imbuhan Sara Hidup;
- ii. elaun atau bayaran balik yang diberi berasaskan kriteria tanggungjawab tambahan dan bayaran balik perbelanjaan seperti Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu atau Bayaran Balik Letak Kenderaan; dan
- iii. bayaran insentif yang diberi berasaskan kriteria-kriteria risiko kerja, kesusahan, kepakaran, kemahiran atau kompetensi tambahan, keanehan atau kejelikan tugas, kepentingan pengekalan sesuatu perkhidmatan dan galakan seperti Bayaran Insentif Juruterbang atau Bayaran Insentif Tugas Kewangan.

PEMANSUHAN ELAUN

6. Berdasarkan prinsip penjelasan pemberian elaun, sembilan (9) elaun dimansuhkan seperti berikut :

- i. Bayaran Insentif Angkat Najis;
- ii. Bayaran Insentif Menaip Jawi;
- iii. Elaun Keraian kepada Setiausaha Sulit dan Setiausaha Sulit Kanan;
- iv. Elaun Khas Penolong Pemungut Hasil Tanah;
- v. Elaun Operator Generator Elektrik;
- vi. Elaun Penyelia Bilik Taip;
- vii. Elaun Tilikan *Trigonometric Observation*;
- viii. Insentif Profisiensi Bahasa Inggeris; dan
- ix. Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal.

Walau bagaimanapun, surat edaran Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dengan No. Ruj. JPA.SARAAN(S)63/158 Jld. 15 (16) bertarikh 09 Januari 2020 memaklumkan pemberian Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK) kepada lantikan baharu mulai 01 Januari 2020 bagi 33 skim perkhidmatan yang diperuntukkan BIPK adalah dikekalkan.

PINDAAN NAMA ELAUN SELARAS DENGAN KRITERIA DAN JENIS ELAUN

7. Berdasarkan kriteria dan jenis pemberian elaun, sejumlah 63 elaun dipinda nama seperti di **Lampiran A, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2019**. Pindaan nama elaun ini tidak melibatkan sebarang perubahan kadar.

8. Bagi memastikan urusan pelaksanaan pemberian elaun perkhidmatan awam yang kemas dan teratur, syarat umum kelayakan pembayaran telah diseragamkan bagi elaun-elaun seperti di **Lampiran D, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2019**. Melalui penyeragaman ini, pembayaran elaun akan terhenti mulai hari pertama apabila staf berada dalam keadaan berikut:

- i. Cuti Tanpa Gaji (termasuk Cuti Belajar Tanpa Gaji);
- ii. Cuti Separuh Gaji (termasuk Cuti Belajar Separuh Gaji);
- iii. kursus (termasuk Cuti Belajar Bergaji Penuh) yang tempohnya melebihi 92 hari termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mungguan dan Hari Kelepasan Am;
- iv. Cuti Rehat yang tempohnya melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mungguan dan Hari Kelepasan Am;
- v. Cuti selain Cuti Rehat, yang tempohnya melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan, Hari Kelepasan Am;
- vi. Kombinasi mana-mana jenis cuti yang tempohnya melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan, Hari Kelepasan Am dan hari-hari tidak hadir bekerja tanpa kebenaran ; atau
- vii. Menjalankan tugas rasmi selain daripada tugas hakiki atas arahan Ketua Jabatan yang tempohnya melebihi 92 hari berturut-turut.

9. Bagi elaun-elaun yang tidak disenaraikan di Lampiran D, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2019, syarat-syarat umum kelayakan pembayaran elaun adalah masih berkuatkuasa mengikut pekeliling perkhidmatan, surat pekeliling perkhidmatan, surat pelaksanaan dan surat edaran terdahulu.

10. Kaedah pembayaran bagi elaun-elaun yang dibayar secara bulanan hendaklah dibuat secara pro rata dalam keadaan di mana:

- i. tempoh penempatan pegawai yang tidak genap satu (1) bulan kalender; atau
- ii. pegawai diarahkan menjalankan tugas yang melayakkkan pemberian elaun tertentu adalah tidak genap satu (1) bulan kalender.

11. Kaedah pengiraan elaun secara pro rata adalah seperti yang berikut:

Bilangan Hari Menjalankan Tugas

_____ X Kadar Elaun (RM sebulan)

Bilangan Hari Dalam Bulan Berkenaan


12. Pembayaran elaun adalah menjadi tanggungjawab jabatan di mana pegawai ditempatkan. Sekiranya elaun tersebut belum dibayar oleh jabatan asal sebelum pegawai bertukar ke jabatan baharu, pembayaran hendaklah dibuat oleh jabatan asal.

TARIKH DIKELUARKAN

13. Pekeliling dikeluarkan pada 4 Mac 2020.

TARIKH KUAT KUASA

14. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 01 Januari 2020.



HAJAH SA'ADAH IBRAHIM
Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan-Dekan Fakulti
Semua Rektor-Rektor UiTM Cawangan

Bil. Fail : 100-BPD(PT.6/3)
No Siri : 100-BPD(Bil. 13/2020)